

# RAWATAN WAJAH LELAKI

**WAJAH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM KEHIDUPAN ANDA. RAMAI YANG BERANGGAPAN BAHAWA PENJAGAAN WAJAH YANG TELITI HANYA SESUAI TERHADAP WANITA, NAMUN LELAKI TIDAK BOLEH MEMANDANG REMEH AKAN WAJAH MEREKA. IA MENCERMINKAN PERIBADI ANDA SEDIKIT SEBANYAK. BAYANGKAN JIKA ANDA LEMPARKAN WAJAH MASAM SEPANJANG HARI, MUNGKIN TIADA YANG AKAN BERANI TEGUR ANDA. DARI SEGI PENJAGAAN WAJAH PULA, MUNGKIN ANDA AKAN DIPANDANG DAN DIMINATI JIKA ANDA MEMPUNYAI PARAS RUPA YANG MENARIK. NAMUN, WANITA TIDAK MEMANDANG RUPA SEMATA SEBAGAI ALASAN UNTUK MEREKA MENDEKATI ANDA. PENJAGAAN KULIT JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING.**

Teks: Nurmalia

Mempunyai fizikal yang menarik tapi mempunyai wajah penuh dengan jerawat, bintik hitam, jeragat tidak menjamin anda sedang melalui kehidupan yang sihat. Pemakanan memainkan aspek penting dalam menjadikan kulit anda cerah, sihat, dan bersinar tanpa minyak. Wanita sering mengambil inisiatif untuk ke rawatan spa dan sering mencari bahan alami untuk mencantikkan kulit.

Manakala lelaki lebih selesa santai dan tidak endahkan kulit muka. Membiarkan wajah terdedah kepada matahari dan kotoran sepanjang hari tanpa menggunakan apa-apa produk muka. Ada segelintir anda yang mengatakan penjagaan wajah tidak mencerminkan jenama lelaki, namun ketahuilah, ia sedikit sebanyak membantu anda dalam kesihatan harian.

Kawasan kotoran pada wajah yang berbeza bermakna tidak ada definisi facial untuk wajah, namun ia lebih kepada mencuci darah kotor dari wajah anda dan buang segala yang tak diperlukan pada wajah. Ia hanya bertindak atas lapisan wajah paling atas yang terdiri daripada 15 hingga 20 lapisan, tanpa menyentuh kulit dalaman anda. Asas facial membantu untuk membersihkan liang-liang yang berminyak dan mengelupas sel-sel kulit yang mati di bahagian atas kulit anda.

Jika anda ke spa, antara perkara asas yang akan dilakukan oleh mereka adalah pembersihan muka, mencuci mana-mana kotoran yang tertinggal sepanjang anda dedahkan liang-liang wajah anda tanpa sebarang krim perlindungan. Ini membantu langkah seterusnya, dilakukan secara manual, di mana bintik hitam dan whiteheads dikeluarkan dengan cara dan teknik yang betul.

"Ala, boleh je buat dekat rumah!" Ini sangat berbeza dengan setiap picitan yang anda lakukan di rumah. Ahli dermatologi yang berkelayakan akan menggunakan satu set alat dan sarung tangan khas, sementara pengetahuan mereka yang luas yang lebih tepat bila dan bagaimana untuk menekan dan mengurut kumbahan yang membusuk di bawah kulit anda.

Dua langkah terakhir melibatkan pengelupasan dan krim menghidratkan yang membantu untuk mencuci sambil mengurut kulit wajah yang akan meletakkan anda keadaan santai. Secara keseluruhannya, facial diibaratkan untuk merehatkan wajah anda yang penat dengan kerja sepanjang minggu.

### MENGAPA ANDA HARUS MENGAMBI BERAT?

Mengapa? Dari sini anda sudah lihat betapa perlunya anda ke pusat rawatan facial berdekatan. Walaupun kulit lelaki lebih tebal dan tahan, ia mengalami tekanan yang ketara akibat pencukuran. Testosteron juga bertanggungjawab untuk meningkatkan pengeluaran minyak, tetapi permukaan kulit manusia cenderung untuk menjadi lebih kering kerana ketebalannya dan kelembapan semula jadi yang berkurang.

Satu perkara yang perlu anda utamakan adalah kesesuaian kulit anda dengan produk yang disyorkan. Adalah penting untuk mendedahkan apa-apa alahan jika ia berkaitan dengan kepekaan kulit. Ini kerana setiap manusia mempunyai kulit yang berbeza-beza walaupun anda seorang kembar! Anda perlu dapatkan khidmat nasihat dari perunding kulit sebelum menjalani rawatan, jadi pakar anda boleh menilai kesihatan kulit anda dan mencadangkan rawatan yang sesuai.

Jangan mempunyai perspektif negatif mengenai pusat rawatan facial. Kadang-kala info yang diberi di laman internet tidak mencukupi untuk anda lakukan rawatan sendiri di rumah. Ingat! Sesetengah pusat rawatan menawarkan harga yang sangat tinggi.

Namun, jangan memandang itu sebagai beban. Wajah anda juga perlu dimanja dan dibelai. Jangan kerana anda ingin jimat, wajah anda akan mengalami kerosakan di kemudian hari.